

Beras 15 peratus hancur tak naik harga: Shafie

BH: 7/7/2007

KOTA KINABALU: Kenaikan harga beras putih, wangi dan basmati yang diimport antara lima hingga 10 sen sekilogram serta 20 sen bagi beras pulut, mulai Ahad lalu, tidak membabitkan beras tempatan 15 peratus hancur yang dikawal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menterinya, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata kenaikan itu hanya membabitkan beras import yang tidak dikawal kementerian.

"Saya baru dimaklumkan Padiberas Nasional Bhd (Bernas) mengenai kenaikan harga beras itu kelmarin. Ia tidak membabitkan beras yang dikawal kementerian.

"Terserah kepada pengguna untuk memilih," katanya pada sidang media selepas menghadiri dialog tahunan kementerian itu dengan sektor swasta di sini, semalam.

Kelmarin, Bernas dalam kenyataannya dilaporkan berkata, kenaikan harga beras putih tempatan, wangi dan basmati yang diimport antara lima hingga 10 sen sekilogram serta 20 sen bagi beras pulut tidak dapat dielakkan berikutan peningkatan harga komoditi itu di pasaran antarabangsa.

Bernas berkata, harga beras import pelbagai gred secara purata meningkat antara 10 hingga 100 peratus sejak 2005.

Mohd Shafie berkata, KPD-

NHEP sudah mempamerkan senarai harga barangan yang dikawal kementerian melalui laman webnya untuk memudahkan pengguna membuat rujukan.

Mengenai dialog berkenaan, beliau berkata, antara isu diberi penekanan ialah pemantauan harga barangan perlu dipertingkatkan.

Ditanya sama ada kementerian itu menerima aduan daripada mana-mana pihak di negeri ini berhubung agensi pembekal maklumat kewangan, Credit Tip Off Services Sdn Bhd (CTOS), beliau berkata, setakat ini aduan hanya di Semenanjung.

Shafie yang ditanya mengenai kerusi yang akan ditandinginya pada pilihan raya umum akan datang, berkata:

"Saya bekerja untuk negara. Terserah kepada keputusan parti."

FAKTA NOMBOR

Beras

3

Gred iaitu 5 peratus hancur, 10 peratus hancur dan 15 peratus hancur

1,200

Jenama dalam pasaran